

Boikot semua jenis

UM 21 FEB 2003

MUKADIMAH

Suara-suara yang menyeru supaya bumi Palestin dibebaskan daripada cengkaman Israel dapat didengar di serata dunia. Bagaimanapun bagi rakyat Palestin, suara berkenaan tidak akan membawa apa-apa perubahan kepada mereka selagi perjuangan masyarakat dunia dibuat secara retorik tanpa sebarang tindakan nyata.

Dalam pertemuan dengan *Utusan Malaysia* sempena Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra menganggap sidang itu sebagai satu lagi peluang untuk membela nasib rakyat Palestin.

Beliau melahirkan harapan supaya Malaysia selaku pengerusi NAM bagi tiga tahun akan datang memimpin badan itu dalam memperjuangkan keadilan dan kebebasan kepada rakyat Palestin.

UTUSAN: Apakah perkara yang akan dibangkitkan oleh delegasi Palestin dalam sidang kemuncak kali ini?

AHMAD: NAM pada asalnya mempunyai pendirian yang tegas berhubung isu Palestin sejak penubuhannya pada tahun 1960-an. Bagaimanapun resolusi-resolusi yang dikemukakan tidak pernah terlaksana.

Ikhtiar kami kini ialah memohon bantuan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk membantu merealisasikan resolusi NAM dalam bentuk tindakan dan pelaksanaan.

Sebagai contoh, bumi kami kini dirampas untuk dijadikan penempatan Israel yang seterusnya membuka peluang kepada orang lain untuk menduduki tanah kami secara haram. Kita perlu mencari jalan untuk menghentikan keadaan tersebut. Mereka (Israel) memaksa masyarakat tempatan Palestin untuk berundur dari tanah air mereka sendiri.

Selain pendudukan secara haram, penduduk asal Palestin juga terkepung dan tidak dibenarkan bergerak dari satu bandar ke bandar yang lain secara bebas.

UTUSAN: Sejauh mana tindakan mengutuk Amerika Syarikat (AS), menyatakan simpati dan menyeru keamanan ini dapat membantu rakyat Palestin?

AHMAD: Tindakan mengutuk AS, menyatakan simpati dan sokongan moral kepada rakyat Palestin adalah tidak memadai sebenarnya. Bagi saya, semua ini perlu disusuli dengan pendekatan dan pelaksanaan yang praktikal bagi mengakhiri penderitaan rakyat Palestin.

UTUSAN: Apakah langkah lebih berkesan yang dapat diambil oleh negara anggota NAM dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin?

AHMAD: Negara-negara anggota NAM boleh mema-

produk Israel

inkan peranan lebih bermakna dengan memboikot semua jenis produk yang dihasilkan oleh syarikat Israel yang menjalinkan operasi di bumi Palestin.

Penempatan Israel di Palestin kini bagaikan sebuah bandar raya kecil yang dilengkapi dengan sekolah, hospital, ladang, kawasan pertanian dan kilang.

Jika kesemua negara anggota NAM melancarkan boikot ke atas semua hasil Israel dari wilayah

Palestin, ia akan mampu memberi sedikit tekanan ke atas Israel. Setakat ini Kesatuan Eropah (EU) memboikot semua aktiviti import dan eksport ke atas barangan Israel dari kawasan ini kerana berpendapat ia ialah sebuah penempatan haram. Jika EU mampu berbuat demikian kenapa tidak NAM?

UTUSAN: Apakah anda tidak mahu mencadangkan tindakan yang lebih agresif daripada itu?

AHMAD: Kami sama sekali tidak menuntut negara anggota NAM untuk menimbulkan peperangan dengan

Israel. Kami hanya meminta satu tindakan yang tidak membahayakan mana-mana pihak. Apa yang kami cadangkan ialah supaya negara anggota NAM menghentikan hubungan politik, ekonomi dan perdagangan dengan Israel.

Ini bertujuan memberikan tekanan kepada pihak-pihak tertentu supaya resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatan dipatuhi dengan sebaik-baiknya. Kami tidak meminta lebih daripada itu.

UTUSAN: Apakah anda yakin negara anggota NAM yang menjalinkan hubungan politik, perdagangan dan ekonomi dengan Israel boleh membantu?

AHMAD: Sebahagian besar daripada negara anggota NAM mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Antaranya ialah Turki, negara-negara Afrika, Amerika Latin, Mesir dan Jordan.

Sekatan ekonomi dan hubungan ke atas Israel juga boleh memberikan kesan ke atas AS yang merupakan tulang belakang Israel. Kini AS bersedia untuk menyerang Iraq atas dasar akan menjauhi penggunaan senjata pemusnah besar-besaran. Tetapi bagaimana dengan nasib kami di Palestin? Israel menggunakan pelbagai senjata canggih yang dihasilkan AS seperti M16 dan sebagainya ke atas rakyat Palestin yang tidak berdosa. Bagi rakyat Palestin, kami sudah puas mendengar sekadar suara-suara simpati, apa yang kami harapkan kini ialah tindakan konkrit.